

# Mahathir juga sudah pujuk Hussein Onn

17 MAY 1981

PULAU PINANG 16 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa beliau sudah lama diberitahu oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn mengenaiancangannya untuk berundur dari jawatan Presiden UMNO itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sejak itu beliau telah beberapa kali memujuk Datuk Hussein supaya meneruskan khidmatnya, sekurang-kurangnya sehingga selepas pilihanraya umum nanti, tetapi tidak berhasil.

"Datuk Hussein tetap berkeras juga dengan keputusannya tidak mahu lagi menerima pencalonan sebagai Presiden UMNO. Beliau tetap dengan sikap itu meskipun saya memberitahunya bahawa saya sanggup menjalankan kerja-kerja biasa Perdana Menteri manakala

beliau cuma menguruskan soal-soal yang berkaitan dengan polisi sahaja," kata beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Datuk Hussein enggan menukarkan pendiriannya itu dengan alasan bahawa "beliau tidak mahu dibayar gaji buta sahaja walaupun perkara itu dapat dilakukannya."

Berucap merasmikan Konvensyen UMNO Pulau Pinang di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir lalu menyeru UMNO supaya sepakat memujuk Datuk Hussein menarik balik keputusannya itu.

Beliau berpendapat, mungkin pujukan dari UMNO itu membawa kesan "supaya Datuk Hussein beralih hati dan mengubah pendiriannya itu, setelah usaha saya untuk memujuknya tidak berjaya."

Beliau menegaskan bahawa negara, khususnya UMNO, masih

memerlukan kepimpinan Datuk Hussein.

Menurut beliau, kepimpinan Datuk Hussein telah membawa kemajuan yang besar kepada negara dan rakyat, khususnya di bidang ekonomi.

Satu lagi kejayaan besar yang diperolehi dari kepimpinan Datuk Hussein itu, menurut beliau, ialah kejayaan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya umum 1978 lalu yang mempunyai erti yang besar dalam sejarah selain dari pilihanraya umum 1955 dulu.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Encik Abdullah Haji Ahmad dalam ucapannya pula berkata, seluruh ahli parti sedih dengan keputusan yang dibuat oleh Datuk Hussein itu.

Sementara itu tiga bahagian UMNO yang mengadakan sidang perwakilannya mereka hari ini telah mencalonkan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden berikutan dengan pengunduran Datuk Hussein Onn.

Bahagian-bahagian tersebut ialah bahagian Terap Kedah, bahagian Batu Gajah Perak dan bahagian Sri Gading, Batu Pahat, Johor.

Semalam UMNO Bahagian Johor Bahru di mana Datuk Hussein Onn sebagai ketuanya telah mencalonkan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden menjelang Perhimpunan Agung UMNO pada 26 Jun depan.